

# **HUKUM ‘CUKAI MUDARAT’ YANG DIKENAKAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Oleh:

Dr. Mohamad Rizal bin Mohamed Nor  
Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Fatwa JMNPK  
Pensyarah Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial  
Universiti Sultan Azlan Shah  
[rizal@usas.edu.my](mailto:rizal@usas.edu.my)

## **Abstrak**

*Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan organisasi yang menggerakkan pembangunan dalam kawasan di bawah pentadbirannya. Sumber kewangan PBT diperoleh daripada pelbagai hasil bayaran, fi dan cukai, termasuklah ‘cukai mudarat’. ‘Cukai mudarat’ bermaksud bayaran yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan yang memberikan kesan negatif kepada pengguna dan masyarakat seperti cukai arak dan premis judi. Timbul isu dari sudut hukum syarak, sejauhmana keharusan PBT mengenakan ‘cukai mudarat’ dan adakah perlu diasingkan hasil kutipan cukai ini. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan hukum ‘cukai mudarat’ menurut pandangan Islam seperti yang diutarakan oleh para sarjana Islam. Terdapat dua pandangan dalam isu ini iaitu aliran yang tidak mengharuskan kerajaan mengenakan apa-apa cukai daripada perkara yang diharamkan. Aliran kedua pula membenarkan kerajaan mengenakan ‘cukai mudarat’ dan menyatakan tiada keperluan mengasingkan hasil kutipan cukai yang diharamkan daripada keseluruhan pendapatan kerajaan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, aliran kedua yang mengharuskan kerajaan mengenakan ‘cukai mudarat’ adalah lebih kuat berbanding aliran yang menolak keharusannya. Oleh itu, PBT boleh mengenakan ‘cukai mudarat’ dan tiada keperluan mengasingkan hasil kutipannya daripada keseluruhan pendapatan PBT.*

## **Pengenalan**

Sesebuah negara memerlukan sumber pendapatan untuk menjalankan fungsi-fungsinya. Dalam konteks Malaysia terdapat beberapa sumber hasil negara iaitu hasil cukai langsung (contoh: cukai pendapatan individu dan syarikat), hasil cukai tak langsung (contoh: SST, duti eksais dan duti import) dan hasil bukan cukai (contoh: pulangan pelaburan, lesen dan fi perkhidmatan kerajaan). Pendapatan cukai yang diperolehi sebahagian besarnya dibelanjakan untuk tujuan pembangunan. Tidak kira pembangunan dilakukan di peringkat nasional mahupun tempatan, sumber cukai yang didapati sangat penting untuk digunakan bagi menampung perbelanjaan yang sememangnya memerlukan pembiayaan yang besar.

Di peringkat kerajaan tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan organisasi terpenting sebagai pemacu menggerakkan pembangunan dalam kawasan pentadbirannya. Sumber kewangan yang diperolehi daripada hasil cukai harta, lesen, sewaan, kompaun tempat letak kereta, caj pembangunan, peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan sebagainya. Sumber kewangan yang diperolehi ini bukan sahaja digunakan untuk perbelanjaan projek pembangunan tetapi sebagai menampung perbelanjaan untuk menyediakan infrastruktur, kemudahan asas, penyelenggaraan, penjagaan kebersihan dan pengindahan bandar. Peranan dan fungsi yang perlu dilaksanakan oleh PBT sebagai badan penggerak kemajuan dan menyediakan perkhidmatan yang sebaiknya kepada masyarakat adalah sangat penting dalam memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat.<sup>1</sup>

### **Pernyataan Masalah**

Pada dasarnya, dalam perbincangan sebahagian fuqaha silam dan sarjana kontemporari memperakarkan keharusan pemerintah mengenakan cukai tertentu untuk tujuan tertentu. Hal ini bersandarkan sebuah hadis:

إِنْ فِي الْمَالِ حَقٌّ سُوَى الزَّكَاةِ

Maksudnya: "Sesungguhnya pada harta itu ada hak selain daripada zakat."

(HR al-Tirmizi: 664)

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cukai yang menjadi pertikaian hukum kerana ia melibatkan perkara-perkara yang diharamkan dalam Islam seperti arak, judi dan rokok. Ia dikategorikan sebagai 'cukai mudarat' atau 'cukai dosa' (*sin tax*) yang mana bayaran yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan yang memberikan kesan negatif kepada pengguna dan masyarakat. Cukai ini bertujuan untuk mengelakkan masyarakat daripada terlibat dengan aktiviti dan tingkah laku yang memudaratkan di samping menambah pendapatan negara. Caranya adalah dengan mengenakan cukai yang tinggi seterusnya akan menyebabkan produk tersebut semakin mahal untuk diperoleh. Dengan itu, penggunaan produk berbahaya tersebut dapat dikurangkan.<sup>2</sup>

Sebahagian daripada sumber pendapatan bagi sesbuah kerajaan tempatan ialah dengan mengenakan lesen ke atas premis yang menjual barang/komoditi tertentu atau menyediakan perkhidmatan tertentu. Apa yang menjadi isu hukum adalah melibatkan barang yang diharamkan seperti arak, rokok, dan kegiatan judi. Selain itu, terdapat premis yang secara khusus menjual peralatan ibadat bagi agama-agama selain Islam. Begitu juga ada premis yang digunakan untuk pelbagai tujuan termasuk maksiat seperti aktiviti pelacuran dan hiburan yang bercanggah dengan syarak.

<sup>1</sup> Soeb bin Pawi (2013). *Model Pengurusan Cukai Harta Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, hlmn: 1.

<sup>2</sup> Asyraf Salleh (2021). *Pelaksanaan Cukai Mudarat Antara Keuntungan Ekonomi dan Kepentingan Moraliti*. Perspektif, 7/2021. TSIS, hlmn: 1.

Implikasinya, berlaku percampuran pendapatan bagi sesebuah PBT yang akhirnya hasil-hasil tersebut digunakan pelbagai tujuan bagi sesebuah PBT bagi menjalankan fungsinya.

### Objektif dan Skop Perbincangan

Objektif penulisan ini adalah untuk membincangkan hukum ‘cukai mudarat’ menurut pandangan sarjana Islam. Para sarjana berbeza pendapat dalam isu pendapatan yang bercampur dengan sumber yang halal dan haram, sama ada pada peringkat individu (*syakhsiyah haqiqiyah*), syarikat atau institusi (*syakhsiyah i'tibariyyah*) mahupun pemerintah atau pihak berkuasa (*waliy al-amr*). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan hukum pendapatan yang bercampur dalam konteks pemerintah (*waliy al-amr*) yang disalurkan ke baitulmal atau perbendaharaan negara. Pada masa yang sama, perbincangan ini juga mengambilkira realiti PBT yang mentadbir sempadan kawasan yang penduduknya bercampur antara muslim dengan non-muslim.

### Pandangan dan Dalil yang Tidak Mengharuskan

Pada prinsipnya, terdapat nas-nas yang jelas tentang pengharaman arak, judi<sup>3</sup>, zina<sup>4</sup>, upah pelacuran<sup>5</sup> dan perkara-perkara yang memudaratkan<sup>6</sup> dalam Islam. Oleh itu, keterlibatan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam urusan yang haram seperti memberi kebenaran (lesen) dan mengenakan caj ke atas premis yang berkaitan, dianggap sebagai terbabit dalam perkara kejahatan dan pelanggaran perkara-perkara yang ditegah oleh syarak.<sup>7</sup> Firman Allah SWT dalam surah al Maidah ayat 2:

وَلَا تَعَاوِنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونَ

Maksudnya: “... dan janganlah kamu tolong-menolong pada melakukan dosa (maksiat) dan permusuhan ...”

Perbuatan maksiat juga adalah satu bentuk kezaliman yang wajib dijauhi. Membenarkan perlakuan maksiat oleh pihak lain (dengan memberi lesen perniagaan arak sebagai contoh) bermaksud setuju dan cenderung kepada kezaliman. Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 113:

وَلَا تَرْكُنُوا إِلَيْ الَّذِينَ ظَلَمُوا فَقَمَسُوكُ الظَّارِ

<sup>3</sup> Surah Al-Maidah, 5: 90.

<sup>4</sup> Surah Al-Nur, 24: 2.

<sup>5</sup> Sahih al-Bukhari, Bab Thaman al-Kalb: 2122.

<sup>6</sup> Ibn Majah: 2341, Al-Darqutni: 4/228.

<sup>7</sup> Zaharudin Bin Muhammad (2010). *Hukum Bermuamalah Dengan Sumber Yang Haram*. Jurnal Muamalah. Bil. 3, hlmn: 79.

Maksudnya: “Dan janganlah kamu cenderung kepada orang yang berlaku zalim maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu ...”

Hasil kutipan arak, judi, riba dan upah pelacuran adalah harta yang batil. Sedangkan Allah SWT memerintahkan hamba-hambaNya (termasuk pemerintah) supaya mengambil manfaat daripada sumber-sumber yang halal dan baik melalui firmanNya dalam surah al Baqarah ayat 168:

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّ أُمَّةٍ فِي الْأَرْضِ حَلَالٌ طَبَقَ بِالْأَرْضِ وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ  
عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! makanlah apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu.”

Ini juga berdasarkan hukum pengharaman arak yang bukan sahaja kepada peminumnya bahkan juga kepada segala aktiviti yang berkaitan dengan penghasilan, pengedaran dan penjualannya, sebagaimana sabit pada hadis yang diriwayatkan oleh oleh Anas bin Malik RA:

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخَمْرِ عَشْرَةً: عَاصِرُهَا، وَمُعْتَصِرُهَا، وَشَارِهَا،  
وَحَامِلُهَا، وَالْمَحْمُولَةُ إِلَيْهِ، وَسَاقِهَا، وَبَاعَهَا، وَأَكَلَ ثُمَّهَا، وَالْمُشْتَرِيُّ لَهَا، وَالْمُشْتَرَاةُ لَهُ.

Maksudnya: “Rasulullah SAW melaknat dalam (perkara berkaitan) arak ini sepuluh golongan: Pemerah (anggur untuk dijadikan arak), orang yang minta diperahkan, peminumnya, pembawanya, orang yang meminta bawa kepadanya, orang yang menuangkan arak, penjualnya, orang yang makan hasil jualannya, orang yang membelinya dan orang yang meminta dibelikan untuknya.”

(Sunan al-Tirmizi: 1295)

Difahami daripada hadis di atas, semua pihak yang terlibat dengan arak termasuklah pihak yang memberi kebenaran menjual arak adalah termasuk dalam golongan yang dilaknat oleh Allah berdasarkan *al-qiyas*. Saidina Umar ibn al-Khattab RA pernah merobohkan kedai Ruwaisyid al-Thaqafi yang menjual arak. Begitu juga dengan Saidina Ali RA membakar kampung yang mana arak dijual di sana. Ibn Taimiyah berkata dalam mengupas persoalan tentang Yahudi yang tinggal dalam wilayah Islam, yang menjual arak kepada individu muslim hingga membina kekayaan dengan jualan tersebut<sup>8</sup>:

<sup>8</sup> Ibn Taimiyah (1987). *Al-Fatawa al-Kubra*. Tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata dan Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlmn: 435-436.

“Jika golongan Yahudi (*ahlu al-zimmah*) menjual arak kepada orang Islam, harus bagi pemerintah merampas harta mereka (hasil jualan tersebut) dan terbatalkan perjanjian perlindungan mereka menurut salah satu pandangan dalam mazhab Ahmad... Hal ini berbeza jika jual beli arak tersebut berlaku di antara seorang kafir zimmi<sup>9</sup> dengan zimmi yang lain secara tertutup, maka ia tidak dilarang. Jika telah sempurna urusniaga (arak) tersebut, harus bagi seorang muslim bermuamalah dengan zimmi tadi yang pendapatannya adalah hasil jual beli arak, seperti mana pandangan Umar RA.”

Difahami daripada pandangan Ibn Taimiyyah pada bahagian awal nukilan di atas menunjukkan pemerintah boleh mengambil tindakan ke atas pihak yang menjalankan urusniaga yang diharamkan, bukannya membenarkan urusniaga tersebut dengan mengenakan cukai.

### **Pandangan dan Dalil yang Mengharuskan**

Berdasarkan penelitian pengkaji, dalam konteks di Malaysia terdapat beberapa fatwa dan pandangan yang dikemukakan berkaitan isu ini. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-39 pada 1 Mac 2019<sup>10</sup> bagi mengeluarkan fatwa status pengurusan lesen eksais (minuman keras) di negeri Perlis memutuskan bahawa:

“... tidak menjadi halangan dan kesalahan kepada pemerintah untuk mengenakan cukai ke atas minuman tersebut seperti yang dilakukan pada barang yang lain. Ini kerana pengambilan cukai berkaitan dengan kos pentadbiran adalah menjadi hak pemerintah untuk mengutipnya. Cukai yang dikutip itu bukan bertujuan membantu menggalakkan aktiviti minuman keras, sebaliknya sebagai satu usaha untuk mengekang aktiviti tersebut daripada berlaku secara mudah. Cukai berkenaan boleh dinaikkan ke satu tahap yang boleh membebangkan peminumnya, jika difikirkan perlu oleh pihak yang berkuasa. Cukai tersebut juga boleh digunakan untuk pengurusan pentadbiran seperti mana cukai-cukai yang lain tanpa perlu diasingkan daripada cukai-cukai tersebut.”

Fatwa di atas dengan jelas menyatakan keharusan bagi pemerintah mengenakan lesen bagi arak, yang juga boleh difahami meliputi perkara-perkara haram lain yang dibenarkan ke atas non muslim seperti judi, khinzir dan lain-lain. Fatwa tersebut juga menyatakan tidak perlu mengasingkan sumber pendapatan tersebut dengan cukai-cukai yang lain dan ia boleh digunakan untuk kemaslahatan umum.

---

<sup>9</sup> Kafir zimmi (*ahlu al-zimmah*) bermaksud golongan bukan Islam yang menjadi penduduk tetap dalam negara Islam dan patuh pada undang-undangnya.

<sup>10</sup> <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/367-fatwa-status-pengurusan-lesen-eksais-minuman-keras-di-negeri-perlis>

Terdapat juga satu fatwa peringkat kebangsaan yang secara tidak langsung menyentuh isu hukum pemerintah menerima dan mengenakan cukai berkaitan perkara yang diharamkan dalam syarak.

“....Muzakarah berpandangan bahawa tidak menjadi kesalahan kepada pihak kerajaan atau syarikat yang dilantik kerajaan untuk menerima atau mengenakan caj/cukai kepada sesebuah syarikat perniagaan, sekalipun wujud kemungkinan sumber yang tidak halal kerana pembayaran cukai adalah satu tanggungjawab kepada Kerajaan untuk maslahah ummah. Sekiranya wujud aktiviti yang haram, maka sifat haram tersebut hanyalah pada zimmah pemilik syarikat tersebut bukan kepada orang yang berurusan dengannya sebagaimana firman Alah S.W.T. dalam Surah an-Najm, ayat 39 yang bermaksud: [Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya].”<sup>11</sup>

Fatwa di atas sekalipun tidak secara khusus membincangkan tentang isu ini, namun ia difahami memberi maksud keharusan bagi pemerintah atau wakilnya mengenakan caj atau cukai ke atas perkara-perkara yang diharamkan dalam Islam, kerana pembayaran cukai adalah satu tanggungjawab kepada kerajaan untuk maslahah ummah. Dosanya hanya ditanggung oleh pihak yang bertanggungjawab sahaja dan tidak melibatkan pihak lain yang berurusan dengannya.

Fatwa-fatwa di atas adalah selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mufti Pulau Pinang (2018)<sup>12</sup> yang menyatakan:

“Dalam Islam tiada tuntutan untuk diasingkan cukai yang terkumpul daripada sumber-sumber halal dan haram, sebab apabila cukai daripada pelbagai sumber dimasukkan ke dalam perbendaharaan negara maka ia dikira suatu elemen baharu sebagai harta yang disatukan dan hukumnya adalah bersih dan halal.....”

Manakala menurut pandangan Mufti Wilayah Persekutuan (2016)<sup>13</sup>:

“... cukai atas arak dan judi dibenarkan tetapi ulama khilaf dalam perlaksanaannya. Ada ulama berpendapat hendaklah cukai daripada arak dan judi itu diasingkan daripada cukai sumber yang halal dan cukai barang haram digunakan untuk maslahah orang bukan Islam. Pendapat kedua, tidak perlu diasingkan dan wang cukai itu digunakan untuk maslahah umum”.

<sup>11</sup> JAKIM (2015). KOMPILASI PANDANGAN HUKUM MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MKI. Cetakan 5. Bab 3, no. 43: Status Hasil Caj Abstraksi Sumber Air Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Daripada Syarikat Yang Menjalankan Aktiviti Operasi Harian Tidak Halal (2013), hlmn: 92.

<sup>12</sup> <https://www.malaysiakini.com/news/454562>

<sup>13</sup> <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1354-al-kafi-257-cukai-judi-dan-arak>

Berkenaan pertanyaan hukum bagi pegawai kesihatan yang meluluskan lesen premis arak dan pegawai kastam yang menyelia keluar masuk (import eksport) minuman beralkohol, Mufti Wilayah Persekutuan (2019)<sup>14</sup> menjelaskan bahawa kedua-dua pekerjaan yang disebut oleh penanya di atas tidak termasuk dalam kalangan yang dilaknat Allah SWT.

“Tuntasnya, kami berpandangan bahawa pegawai kastam yang menguruskan keluar masuk minuman beralkohol dan pegawai kesihatan yang menyelia premis-premis yang menjualnya adalah tidak berdosa dan tidak dianggap sebagai bersubahat dalam aktiviti meminum arak. Begitu juga dengan pekerjaan-pekerjaan lain yang mempunyai persamaan dengan pekerjaan yang kami bahaskan ini.”

Dalam ruang yang lain, Mufti Perlis (2015)<sup>15</sup> juga memberi pandangan tentang isu status gaji kakitangan kerajaan yang menerima gaji daripada sumber kerajaan yang bercampur halal dan haram dengan menyatakan:

“Seseorang yang menerima wang dari pihak yang lain hendaklah memastikan atas transaksi apa wang itu diterima. Adapun urusan sebelum itu, yang tidak membabitkan diri penerima, maka itu tidak pertanggungjawabkan kesalahan itu ke atas penerima tersebut. Umpamanya, kakitangan kerajaan yang berkerja dalam urusan yang halal dan mendapat gaji, maka gaji itu halal. Sekalipun kemungkinan sumber kerajaan dalam membayar membayar gaji itu diambil dari kegiatan yang haram seperti perjudian atau arak atau seumpamanya. Ini kerana urusan haram itu tidak membabitkan diri penerima gaji berkenaan dan gaji itu diterima atas kerjanya yang halal, bukan aktiviti yang haram.”

Antara sarjana tempatan yang berpandangan keharusan pihak berkuasa mengenakan cukai ke atas perkara yang diharamkan ialah Dr. Zaharuddin Abd Rahman (2008).<sup>16</sup> Beliau menegaskan:

“...Dari sudut percuakan pula, adalah DIBENARKAN atau harus pihak kerajaan Islam tadi menerima cukai hasil perniagaan arak tadi memandangkan ia dikutip menurut peruntukan hukum Islam yang sohib. Harta tersebut boleh digunakan untuk maslahat awam termasuk membayar gaji kakitangan awam tanpa sebarang masalah.”

<sup>14</sup> <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3318-al-kafi-1222-hukum-pegawai-kerajaan-menelia-urusan-berkaitan-arak>

<sup>15</sup> <https://www.facebook.com/DrMAZA/posts/hukum-mengambil-pemberian-dari-sumber-yang-haramsoalan-dr-asri-sekarang-ini-hebo/10153648425882990/> ;

[https://www.youtube.com/watch?v=1CN0pv0S7\\_c](https://www.youtube.com/watch?v=1CN0pv0S7_c)

<sup>16</sup> [Gaji Kakitangan & Pendapatan Cukai Haram Kerajaan \(zaharuddin.net\)](http://zaharuddin.net)

Dr. Zaharuddin Abd Rahman (2010)<sup>17</sup> juga memberikan justifikasi keharusan mengutip cukai daripada aktiviti yang diharamkan syarak dengan menjelaskan:

“ ..... sesebuah kerajaan pimpinan Islam DIBENARKAN meluluskan sesuatu yang diterima oleh agama lain dengan syarat ia khusus untuk penduduk setempat itu. Dalam masa yang sama kerajaan dibenar untuk mengutip cukai hasil pemberian lesen itu.

Contohnya, dalam sesetengah agama, arak adalah dibenarkan, justeru pemerintah Islam menghormati kebenaran itu, justeru para ulama menyatakan keharusan bagi kerajaan meluluskan pembukaan kedai arak yang khusus untuk penganut agama terbabit sahaja. Itulah namanya siyasah syariyyah.

Demikian statusnya dengan babi dan makanan tidak sembelih, disebabkan agama mereka membenarkan, kerajaan Islam mestilah membenarkan pembukaan kedai jual babi, penternakan babi, dan gerai-gerai yang menjual makanan tidak sembelih setelah dipohon oleh penganut agama yang membenarkan, namun secara terhad dan berhati-hati. Dalam masa yang sama, kerajaan boleh mengenakan cukai biasa dari lesen dan cukai dari perniagaan itu.

Hasil sebegini, walau kelihatan kotor, tetapi dari sudut pandangan Islam, ia adalah harus diterima oleh baitul mal bagi sesebuah kerajaan pemerintahan Islam, dibenarkan pula untuk diagihkan kepada kemaslahatan umum dan faqir miskin tanpa sebarang syubhah. Walau bukan dari akaun dan tabungan negara yang berasingan.”

Manakala antara sarjana luar negara yang berpandangan keharusan pemerintah mengenakan cukai ke atas perkara yang diharamkan dan mengambil manfaat daripada kutipan cukai tersebut adalah Syeikh ‘Ali Jum‘ah (2010)<sup>18</sup>, Mufti Mesir yang menyatakan:

الذى نهى به هو أن الاستفادة من الضرائب المفروضة على الخمور والسجائر جائز شرعاً...

Maksudnya: “Kami berfatwa bahawa mengambil faedah daripada cukai yang dikenakan ke atas arak dan rokok adalah harus menurut syarak...”

Begin juga Muhammad al-Tanji<sup>19</sup> yang berpandangan harus bagi pemerintah mengenakan cukai arak dan judi dan menggunakan untuk kemaslahatan umum bersandarkan perbuatan Umar al-Khattab yang mengenakan cukai (*al-‘usyur*). Beliau juga menegaskan:

<sup>17</sup> Menjelas Kekeliruan : Wang Haram & Faqir Miskin ([zaharuddin.net](http://zaharuddin.net))

<sup>18</sup> <https://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=12797>

<sup>19</sup> <http://www.habous.gov.ma/daouat-alhaq/item/118-%D8%B6%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D8%A8-%D8%B9%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%AE%D9%85%D8%B1>

وَمَا دَمْنَا نَعِيشُ مِنْ يَأْكُلُونَ الْخَنَازِيرَ وَيَشْرَبُونَ الْخُورَ، فَلَيْسَ مِنَ الْمُصْلَحَةِ أَنْ يَعْفُوا مِنْ ضَرِيبَةِ تِجَارَتِهَا، وَإِنَّا مُصْلَحَةً أَنْ نَحْمِيَ الْمُسْلِمِينَ مِنْ شَرِّهَا وَآفَاتِهَا، وَلَوْزَادَتِ الْحُكُومَةُ فِي ضَرِيبَتِهَا حَتَّى تَبْلُغَ الْمِائَةَ فِي الْمِائَةِ، لَكَنْ فِي ذَلِكَ خَيْرٌ لِخَزِينَةِ الدُّولَةِ...

Maksudnya: "Selagi mana kita hidup bersama golongan yang makan khinzir dan minum arak, maka bukanlah dianggap maslahah dengan tidak mengenakan cukai ke atasnya (perkara-perkara yang diharamkan). Apa yang menjadi maslahah adalah kita mengawal umat Islam daripada meminumnya (arak) dan kesan-kesan negatifnya. Sekiranya pemerintah meningkatkan lagi kadar cukainya (arak) sehingga mencapai seratus peratus, maka itu lebih baik bagi perbendaharaan negara..."

Nukilan-nukilan di atas jelas menunjukkan keharusan bagi pemerintah mengenakan cukai ke atas perkara-perkara yang diharamkan seperti perniagaan arak, judi, khinzir dan lain-lain. Hasil kutipan cukai tersebut boleh digunakan untuk maslahah umum dan juga disalurkan untuk keperluan fakir dan miskin. Apa yang menjadi pertikaian adalah keperluan mengasingkan hasil kutipan cukai ke atas perkara-perkara yang diharamkan. Dalil-dalil tambahan bagi keharusannya adalah seperti berikut<sup>20</sup>:

1. Terdapat perbezaan besar antara harga arak dengan cukai ke atas arak, kerana harga arak adalah wang yang dibayar sebagai balasan untuk membeli komoditi terlarang ini, dan arak dilarang dengan persepkatan umat Islam, dan harganya juga dilarang maka tidak dibenarkan membelinya, menjualnya, atau mengambil harganya dalam kalangan orang Islam.

Adapun cukai bermaksud bayaran yang dikenakan oleh negara ke atas sumber-sumber dari pelbagai unit ekonomi dengan tujuan untuk menampung perbelanjaan negara. Ia dikenakan ke atas harta benda, perniagaan, pendapatan, perdagangan, syarikat dan lain-lain sebagai balasan atas perkhidmatan dan kewajiban dilakukan oleh negara untuk kepentingan semua pihak, untuk menampung perbelanjaan awam dan keperluan rakyat.

Oleh itu, jelas bahawa cukai komersial adalah hak sivil yang dikenakan mengikut jumlah pendapatan komersial dan bukan harga untuk barang di mana perdagangan itu berlaku. Ini tidak ada kaitan dengan sama ada komoditi itu halal atau haram, dan dalam hal ini, cukai arak bukanlah harganya, jadi tidak haram menggunakan.

2. Isu cukai ini boleh dikiaskan dengan *al-jizyah*<sup>21</sup> yang dikenakan ke atas rakyat non muslim sedangkan harta mereka boleh jadi terlibat dengan riba, serta hasil arak, judi dan sebagainya. Namun, para khalifah dan pemerintah Islam tidak

<sup>20</sup> Olahan semula daripada hujah-hujah yang dikemukakan oleh Syeikh 'Ali Jum'ah (2010) dan Zaharudin bin Muhammad (2010).

<sup>21</sup> *Al-jizyah* bermaksud cukai kepala yang dikenakan ke atas kafir zimmi (*ahl al-zimmah*).

pula menolak daripada menerima bayaran *al-jizyah* dan memasukkannya ke dalam baitulmal (perpendaharaan negara) untuk dimanfaatkan dalam perbelanjaan negara dan keperluan rakyat.

3. Bahawa cukai arak ini, apabila dimasukkan dalam perpendaharaan negara, ia telah dipindahkan hak miliknya, dan menjadi sebahagian daripada sumber pendapatan negara. Sekalipun ada pihak yang menyatakan bahawa ia (cukai arak) adalah haram, namun ia tidak membawa kepada haramnya mengambil faedah daripadanya, kerana berlaku percampuran dengan sumber-sumber dan tidak dapat dibezakan antara satu sama lain.
4. Sekalipun diperakukan bahawa arak, judi (dan lain-lain) adalah diharamkan, namun para ahli hukum menetapkan bahawa status keharaman sesuatu perkara tidak boleh dikaitkan dengan dua tanggungan (أَنَّ الْحَرَامَ لَا يَتَعُدُّ ذَمِينَ). Hal ini kerana, dengan berpindahnya suatu harta daripada tanggungan pemiliknya ke perpendaharaan negara, ia menjadi halal dan harus dimanfaatkan. Maksudnya, harta yang diperoleh hasil daripada pekerjaan pertama yang haram (terlibat dengan arak, judi dan riba sebagai contoh), tidak boleh dikaitkan dengan urusan yang kedua yang halal (pembayaran upah dan perbelanjaan untuk kepentingan awam sebagai contoh).
5. Saidina Umar ibn al-Khattab mengarahkan tidak menerima *al-jizyah* secara langsung daripada bangkai, khinzir dan arak, tetapi menerima nilai hasil jualannya daripada *ahlu al-zimmah* sebagai cukai, begitu juga dengan *al-'usyur*.<sup>22</sup>
6. Terdapat satu kaedah dalam mazhab Hanafi:

تبدل الملك موجب لتبدل العين حكماً مع أن العين واحد.

Terjemahan: Perpindahan pemilikan memestikan perubahan 'ain dari sudut hukum sekalipun 'ainnya adalah sama.

Kaedah di atas bermaksud sekalipun pemilikan awalnya adalah haram kerana sumbernya adalah haram, tetapi dengan perubahan milik sesuatu 'ain menjadikan hukumnya berubah sekalipun 'ainnya adalah sama.

7. Kerajaan Uthmaniah juga mengenakan cukai *al-'usyur* ke atas arak dan khinzir di mana orang bukan Islam pada ketika itu adalah ramai berada di bawah pemerintahannya.<sup>23</sup>

<sup>22</sup> Abu Yusuf (1979) *Kitab al-Kharaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlmn: 122, 126 & 133.

<sup>23</sup> Thabit Ahmad Abu al-Haj (2014). *Muraja'ah al-Kitab: Qawanin al-Dawlah al-'Uthmaniyyah wa Silatuha bi al-Mazhab al-Hanafi*, dalam Islamiyat al-Ma'rifah. Vol. 19, No. 75. Virginia: The International Institute of Islamic Thought, hlmn: 219.

8. Sekalipun sumber asalnya berkait dengan perkara yang haram dan dikategorikan sebagai harta tidak patuh syariah, ia boleh dibelanjakan untuk kepentingan umum seperti yang diputuskan dalam fatwa peringkat kebangsaan berkaitan penyaluran harta tidak patuh syariah ke baitulmal dan institusi Islam lain (2009)<sup>24</sup>:

“Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah membincangkan Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain. Muzakarah telah memutuskan bahawa: Di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut: Diserah kepada Baitulmal untuk maslahah-maslahah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya; Diserah kepada golongan fakir miskin; atau Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.”

## Kesimpulan

Setelah meneliti pandangan dan hujah-hujah dalam isu hukum ‘cukai mudarat’ yang dikenakan oleh pemerintah, pengkaji cenderung kepada pandangan dan hujah golongan yang **mengharuskan pemerintah mengenakan ‘cukai mudarat’** kerana faktor-faktor berikut:

1. Pendalilan yang dikemukakan adalah lebih kukuh berbanding golongan yang tidak mengharuskannya.
2. Keharusan pemerintah mengenakan ‘cukai mudarat’ bukan bermaksud menghalalkan perkara-perkara yang diharamkan, bukan juga bertujuan menggalakkan aktiviti haram, sebaliknya sebagai satu usaha untuk mengawal aktiviti tersebut daripada berlaku secara mudah. Bayangkan kemudarat yang lebih besar akan berlaku jika ia tidak dikenakan cukai, sedangkan barang-barang dan perkhidmatan lain dikenakan cukai.

---

<sup>24</sup> JAKIM (2015). KOMPILASI PANDANGAN HUKUM MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MKI. Cetakan 5. Bab 3, no. 34: Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain, hlmn: 75.

3. Cukai komersial yang dikenakan adalah hak sivil yang dikutip mengikut jumlah pendapatan komersial dan bukan harga untuk barang di mana perdagangan itu berlaku. Ini tidak ada kaitan dengan sama ada komoditi itu halal atau haram.
4. Pendalilan golongan yang tidak mengharuskannya adalah bersifat umum tentang keharaman perkara-perkara tersebut yang sememangnya disepakati oleh para ulama.

## **Penutup**

Perlu ditegaskan bahawa pendirian ini tidak bermakna pengkaji bersetuju dengan berleluasanya perkara-perkara yang diharamkan. Bahkan ia perlu dicegah, dikawal atau diminimumkan dari masa ke masa. Ia hanya dibenarkan kepada golongan bukan Islam secara terkawal dan pemerintah berhak mengenakan cukai ke atasnya. Melihat kepada fungsi PBT sebagai *waliy al-amr* maka tiada keperluan untuk mengasingkan pendapatan tersebut kerana peranan dan tanggung jawab *waliy al-amr* adalah untuk merealisasikan maslahah umum.

## RUJUKAN

- Abu Yusuf (1979) *Kitab al-Kharaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa (2016). Sunan al-Tirmizi. Jilid 2. Cetakan kedua. Kaherah: Dar al-Ta'sil.
- Asyraf Salleh (2021). *Pelaksanaan Cukai Mudarat Antara Keuntungan Ekonomi dan Kepentingan Moraliti*. Perspektif, 7/2021. TSIS.
- Ibn Taimiyah (1987). *Al-Fatawa al-Kubra*. Tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata dan Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- JAKIM (2015). KOMPILASI PANDANGAN HUKUM MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MKI. Cetakan 5. Putrajaya: JAKIM.
- Khalid Ali Muhammad al-Anbariy (2008). *Sistem Politik Islam* (terjemahan). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Soeb bin Pawi (2013). *Model Pengurusan Cukai Harta Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Thabit Ahmad Abu al-Haj (2014). *Muraja'ah al-Kitab: Qawanin al-Dawlah al-'Uthmaniyyah wa Silatuha bi al-Mazhab al-Hanafi*, dalam Islamiyat al-Ma'rifah. Vol. 19, No. 75. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Zaharudin bin Muhammad (2010). *Hukum Bermuamalah Dengan Sumber Yang Haram*. Jurnal Muamalah. Bil. 3.
- <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/367-fatwa-status-pengurusan-lesen-eksais-minuman-keras-di-negeri-perlis>
- <https://www.malaysiakini.com/news/454562>
- <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1354-al-kafi-257-cukai-judi-dan-arak>
- <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3318-al-kafi-1222-hukum-pegawai-kerajaan-menelia-urusan-berkaitan-arak>
- <https://www.facebook.com/DrMAZA/posts/hukum-mengambil-pemberian-dari-sumber-yang-haramsoalan-dr-asri-sekarang-ini-hebo/10153648425882990/> ;  
[https://www.youtube.com/watch?v=1CN0pv0S7\\_c](https://www.youtube.com/watch?v=1CN0pv0S7_c)  
Gaji Kakitangan & Pendapatan Cukai Haram Kerajaan (zaharuddin.net)
- Menjelas Kekeliruan : Wang Haram & Faqir Miskin (zaharuddin.net)  
<https://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=12797>  
<http://www.habous.gov.ma/daouat-alhaq/item/118-%D8%B6%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D8%A8-%D8%B9%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%AE%D9%85%D8%B1>